

ms 87

PENIPUAN MACAU SCAM

Peniaga air kacang soya diperdaya serah RM476,000

➔ Mangsa buat beberapa transaksi sejak awal Disember sebelum sedar kena tipu

Oleh Nur Izzati Mohamad
bhnews@bh.com.my

Georgetown

Seorang peniaga air kacang soya mengalami kerugian hampir setengah juta apabila dia menjadi mangsa penipuan sindiket Macau Scam sejak awal Disember lalu.

Ketua Polis Daerah Barat Daya, Superintendan A A Anbalagan, berkata mangsa seorang wanita berusia 53 tahun yang menetap di Sungai Ara, di sini hadir membuat laporan polis selepas menyedari ditipu.

"Mangsa memaklumkan pada awal Disember tahun lalu, dia menerima panggilan telefon dari individu yang memperkenalkan diri sebagai pegawai po-

lis berpangkat Sarjan sebelum panggilannya kemudian disambungkan kepada seorang pegawai dikenali Lee Ahh Jun.

Mangsa panik buat pindahan wang

"Pegawai berkenaan pula mengatakan bahawa ada orang menyalahgunakan identiti mangsa hingga menyebabkan mangsa mempunyai dua tunggakan bank serta terbabit dengan kesalahan jenayah yang boleh disabitkan hukuman gantung," katanya dalam kenyataan, di sini, semalam.

Anbalagan berkata, berikutan panik dan ketakutan, mangsa membuat pemindahan wang sebanyak RM100,000 kononnya untuk membersihkan rekod jenayahnya.

"Selepas itu, mangsa melakukan beberapa lagi transaksi sehingga akhir bulan lalu dengan nilai keseluruhan sebanyak RM476,000 sebelum mendapat tahu bahawa dirinya sudah terperangkap dengan sindiket berkenaan.

"Difahamkan, mangsa menggunakan wang simpanan Amanah Saham Bumiputera (ASB) hasil perniagaan air kacang soya miliknya bagi membuat bayaran berkenaan," katanya.

Katanya, kes disiasat mengikut Seksyen 420 Kanun Keseksaan.

"Orang awam dinasihatkan tidak sesekali mengangkat panggilan telefon dari nombor tidak dikenali dan memasukkan wang ke akaun individu lain tanpa usul periksa," katanya.